

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Takluk pasaran tempatan	Harian Metro
2.	Invention nation	The Star
3.	UniMAP bolot anugerah kategori pereka muda	Berita Harian
4.	UniMAP catat kemenangan bergaya di ITEX dan AYIE 2014	BERNAMA
5.	UniMAP raih 55 pingat emas ITEX	Berita Harian
6.	Malaysia berpeluang lihat hujan meteor pada 23, 24 Mei ini	BERNAMA
7.	Bright future for local biotechnology companies	New Straits Times
8.	Bekalan air tak terjejas	Harian Metro
9.	El Nino: Tanaman padi dijangka terjejas	Utusan Malaysia
10.	Dam water level slowly rising	The Star

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 50
TARIKH : 10 MEI 2014 (SABTU)**

Takluk pasaran tempatan

■ Persediaan awal BiotechCorp perkenal produk bioteknologi sebelum peringkat global



Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail
rabi@atul@hmetro.com.my
Kota Samarahan

Memasarkan produk bioteknologi di pasaran tempatan antara fokus utama Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) bagi membantu usahawan memperkenalkan produk serta perkhidmatan mereka kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata, pihaknya menyarankan untuk memasuki pasaran tempatan tahun ini sebagai langkah memperkenalkan produk tempatan.

Katanya, pasaran tempatan itu adalah antara persediaan awal pihaknya membuat strategi pemasaran sebelum menembusi pasar Asia dan global.

"Negara kita kaya dengan sumber semula jadi yang boleh dikembangkan daripada objek yang tiada nilai di dalam hutan kepada produk yang bernilai tinggi."

Banyak syarikat tempatan menghasilkan produk berasaskan bioteknologi, tetapi tidak ramai mengetahuinya kerana pasaran yang tidak menyeluruh.

"Selain fokus untuk menghasilkan lebih banyak inovasi baru, kami menyasarkan untuk mem-



TIMBALAN Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu Numpang (tengah) menyaksikan penyerahan memorandum persefahaman (MoU) antara UNIMAS dan Organisasi Harta Intelek Malaysia.

perkenalkan produk terbabit kepada pelanggan tempatan," katanya ketika temu bual selepas pelancaran Persidangan BioBorneo 2014: Penggalan Komuniti Bioekonomi di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di sini, semalam.

Mohd Nazlee berkata, Industri Bioteknologi Malaysia kini berada pada fasa kedua Dasar Biotekno-

logi Negara (DBN). "Sains ke Perniagaan".

Katanya, setakat ini BiotechCorp berjaya membawa masuk pelaburan sebanyak RM14.6 billion melebihi daripada sasaran RM9 billion untuk fasa kedua DBN.

"Jumlah peluang pekerjaan sebanyak 83,400 berjaya diwujudkan melebihi sasaran 80,000 untuk fasa yang kedua.

"Jumlah pendapatan daripada syarikat BioNexus setakat ini adalah sebanyak RM2.6 billion. Industri bioteknologi negara menyumbang 2.2 peratus kepada Kehuoran Dalam Negara Kasar (KDNC) pada akhir 2010," katanya.

Menurutnya lagi, baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meluluskan pelaksanaan

program bioekonomi pembangunan komuniti dalam Pembentangan Bajet 2014.

Katanya, pelaksanaan program terbabit untuk membangunkan kemahiran keusahawanan masyarakat bandar dan luar bandar serta meningkatkan pendapatan sektor pertanian melalui penggu-

“Banyak syarikat tempatan menghasilkan produk berasaskan bioteknologi, tetapi tidak ramai mengetahuinya”

Dr Mohd Nazlee

naan bioteknologi untuk meningkatkan proses atau aktiviti yang sedia ada.

"Kita mempunyai hampir 107,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara. Sebagai peneraju program ini, BiotechCorp mengenal pasti banyak ruang dan potensi yang boleh diusahakan dengan tanah terbiar ini untuk memperkasakan ekonomi luar bandar.

"Dengan memanfaatkan tanah terbiar ini, secara kasar dianggarkan dapat menjana pulangan lebih RM340 juta kepada ekonomi negara," katanya.

Mengenai perkembangan teknologi itu di Sarawak, Mohd Nazlee positif banyak produk dapat dihasilkan dari bahan semula jadi yang ada di negeri ini.

Katanya, sebagai contoh buah dabai yang banyak di negeri ini berpotensi untuk dikembangkan untuk pelbagai kegunaan dari aspek produk kecantikan, makanan dan kesihatan.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 41
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)



2 Science, Technology and Innovation Datuk Deputy Minister Dr Abu Bakar Mohamad Diah at the official launch of ITEX 2014.

Invention nation

Exhibition showcases the work of country's creative minds

THE International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2014 is taking place at the Kuala Lumpur Convention Centre today.

Held for the 25th year, Asia's leading invention exhibition will showcase close to 1,000 inventions, innovations and technologies by key local and international players from various sectors, congregating experts from the field of research and development, manufacturing, financing and legal.

Malaysia is represented by participants from the local IPTA/IPTS, research and education institutions, corporates, individuals as well as patent and intellectual property firms.

The Malaysian Young Inventors Exhibition (MYIE) 2014 and Asian Young Inventors Exhibition (AYIE) 2014 are also both being held on a bigger scale this year under the umbrella of ITEX.

The MYIE and AYIE exhibitions provide a platform for young inventors aged 20 and below to showcase their innovations,

allowing these youths to meet like-minded young inventors and their mentors from around the world at ITEX.

MYIE 2014 will feature up to 10 top winners from the national-level Malaysia Young Inventors Competition to compete in AYIE 2014 where inventions will be showcased to an international audience.

MYIE 2014 will be featuring 75 inventions, which marks a significant increase from last year. AYIE 2014 will also be featuring close to 100 inventions from Indonesia, Saudi Arabia, Thailand, Vietnam, China, Philippines, Hong Kong and Taiwan.

Organised by the Malaysian Invention and Design Society and managed by CIS Network Sdn Bhd, ITEX 2014 is all set to achieve its primary objective of promoting initiatives and opportunities for an inventor, leading up to successful commercialisation.

The objective is in line the Ministry of Science Technology and Innovation's declaration of 2014 as the Year of Commercialisation.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)

UniMAP bolot anugerah kategori pereka muda

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih kemenangan 100 peratus pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2014) dan Pameran Pereka Cipta Muda Asia (AYIE 2014), berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Kejayaan itu berikutan semua 84 produk yang dipertandingkan UniMAP berjaya meraih pingat iaitu 65 pingat emas, 17 perak dan dua gangsa.

Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata pencapaian yang diraih melepas sasaran ditetapkan iaitu 40 pingat emas.

"Saya teruja dengan kejayaan besar yang diraih. Ini membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk baru berteknologi tinggi.

"Kejayaan ini menunjukkan

peningkatan mendadak UniMAP daripada tahun lalu apabila meraih tempat kedua dengan 32 emas, 26 perak dan satu gangsa daripada keseluruhan 60 produk yang dipertandingkan," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

ITEX 2014 berlangsung selama tiga hari bermula 8 hingga 10 Mei ini. Ia dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Sebanyak 40 institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan antarabangsa menyertai pameran berkenaan tahun ini.

Tempat kedua diraih Universiti Teknologi Petronas dengan 26 pingat emas, 25 perak dan dua gangsa manakala Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat ketiga dengan 19 pingat emas dan satu perak.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)



UniMAP Catat Kemenangan Bergaya Di ITEX Dan AYIE 2014

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih kemenangan bergaya pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014 dan Pameran Pereka Muda Asia (AYIE) 2014 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Kejayaan itu diperolehi selepas semua 84 produk yang dipertandingkan UniMAP pada ITEX dan AYIE meraih 65 emas, 17 perak dan dua gangsa, kata Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak 55 emas, 14 perak dan satu gangsa dimenangi pada ITEX manakala 10 emas, tiga perak dan satu gangsa dimenangi dalam cabaran AYIE.

Kejayaan pada ITEX 2014 melangkaui sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 40 pingat emas.

"Saya amat teruja dengan kejayaan besar kita. Ia membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk-produk baru yang berteknologi tinggi," katanya pada pemberita di sini, Jumaat.

Prof Kamarudin berkata kejayaan itu menunjukkan peningkatan mendadak UniMAP dalam pertandingan itu berbanding tahun lepas dengan meraih 32 pingat emas, 26 perak dan satu gangsa dari 60 produk yang dipertandingkan.

Pameran tiga hari itu, yang bermula semalam dan berakhir esok, disertai 40 institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan institusi penyelidikan antarabangsa.

Ia dianjurkan Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Malaysia (MINDS) dan dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah semalam.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 11 MEI 2014 (AHAD)**

UniMAP raih 55 pingat emas ITEX

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengungguli Pameran Rekaceipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) 2014 di sini, selepas berjaya meraih 55 pingat emas dari 70 yang dipertandingkan malam kelmarin.

UniMAP juga mencipta sejarah tersendiri apabila mencatatkan kemenangan bergaya dengan pencapaian 100 peratus pungutan pingat menerusi semua 70 produk yang dipertandingkan apabila turut meraih 14 pingat perak dan satu pingat gangsa.

Terima 4 anugerah khas

Tidak cukup dengan itu kejayaan UniMAP diteruskan lagi pada Malam Budaya Cipta ITEX 2014 apabila delegasi UniMAP diumumkan sebagai penerima empat anugerah khas dari dalam dan luar negara termasuk anugerah Asian Invention Excellence Award 2014 yang juga anugerah tertinggi keseluruhan ITEX 2014.

Anugerah menjadi milik, Dr Shahriman Abu Bakar melalui produk *An Innovative Cost Effective Hemodynamic Assessment Tool With Real Time Situational Awareness and Critical Lifesaving Intelligence For Medical Specialists*.

Selain itu, UniMAP turut menerima anugerah JIPA dari Jepun, atas penyelidikan terbaik dalam bioteknologi untuk produk *A Software Prototype Based Emotional Impairments Detection In Neurological Disorders Patients Using Wireless Signals*, hasil penyelidikan Dr M Murugappan.

UniMAP turut meraih anugerah khas ketiga dari Prize of Association of Polish Inventors and Rationalizers, Poland, menerusi produk *Fire-Shield Paint: A New Technology Approach* oleh Dr Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah.

Anugerah khas terakhir UniMAP iaitu Anugerah TAITRA dari Taiwan dimenangi menerusi produk *Modified Double Weight (MDW) Code For Automotive Industry Based on FPGA Platform* yang dihasilkan Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid.

Hasil kemenangan keseluruhan pada ITEX 2014 melayakkan UniMAP untuk turut menerima Anugerah Patron yang disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Ia menjadi koleksi kedua bagi UniMAP selepas muncul penerima anugerah Patron pada tahun 2011.

Naib Canselor UniMAP, Brig Jen Datuk Prof Dr Kamarudin



Kamarudin (tengah) bersama anugerah dimenangi UniMAP pada Majlis Malam Budaya Cipta sempena ITEX 2014 di Kuala Lumpur.

Hussin, berkata kejayaan yang diperolehi pada ITEX 2014 melangkaui sasaran yang ditetapkan ia itu 40 pingat emas.

"Saya amat teruja dengan kejayaan besar yang kita raih ini dan ia membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk baru yang berpotensi dikomersialkan."

"Oleh itu pada tahun ini, selaras dengan pelancaran tahun pengkomersialan yang dilancarkan

MOSTI, kita akan memberikan fokus terhadap aspek berkenaan agar hasil penyelidikan UniMAP mampu dikongsikan untuk manfaat bersama masyarakat," katanya.

Selain itu, dalam Pameran Peraka Cipta Muda Asia (AYIE) 2014 yang turut diadakan bersama ITEX, Penyelidik Muda UniMAP memperolehi kemenangan 100 peratus dari 14 produk yang dipertandingkan dengan kutipan 10 emas, tiga perak dan satu gangsa.

"Saya amat teruja dengan kejayaan besar yang kita raih ini dan ia bukti bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang"

**Kamarudin Hussin,
Naib Canselor UniMAP**

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)



Malaysia Berpeluang Lihat Hujan Meteor Pada 23, 24 Mei Ini

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan juraian hujan meteor daripada Komet 209P/Linear pada 23 dan 24 Mei ini.

Agenzia Angkasa Negara (Angkasa) menyatakan kira-kira 100 hingga 400 meteor sejam dapat dilihat dengan mata kasar pada malam itu.

"Titik hujan meteor ini adalah daripada buruj Camelopardalis di langit utara dan dijangka masa puncak hujan meteor ini adalah pada 6UTC hingga 8UTC iaitu dari 2 petang hingga 4 petang waktu tempatan," kata Angkasa dalam kenyataan hari ini.

Hujan meteor itu boleh dilihat di kawasan yang kurang mengalami pencemaran cahaya dan bergantung kepada keadaan cuaca langit malam kawasan itu.

Selain keadaan cuaca dan awan tebal, kebarangkalian untuk menyaksikan meteor itu berkurangan sedikit kerana terdapat bulan sabit tua yang akan terbit kira-kira 3 pagi pada tarikh hujan meteor itu.

Justeru itu, orang ramai yang ingin melihat hujan meteor disaran berbuat demikian sebelum bulan terbit iaitu sebelum 3 pagi kedua-dua hari berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Planetarium Negara di talian 03-22734303 atau Observatori Negara Langkawi di talian 04-9668870.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B6
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)

Bright future for local biotechnology companies

PARADIGM SHIFT: Malaysia shows foresight to capitalize on strength, says BiotechCorp

LIDIANA ROSLI
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

MALAYSIAN Biotechnology Corporation (Biotech-Corp), the lead development agency for biotech industry in Malaysia, sees a bright future for the country in the areas of biotechnology development and innovation, especially after seeing local conglomerate Sime Darby Bhd taking a stake in industrial biotechnology company Verdezyne Inc.

California-based Verdezyne has proprietary technologies to competitively produce chemicals derived from sustainable materials, which can be found in the oil palm value chain.

Malaysia produced 83 million tonnes of palm oil in 2012 and is

estimated to produce more than 100 million tonnes of palm oil by 2020, which translates to some RM30 billion of the gross national income (GNI).

"Malaysia had the foresight to capitalise on its strengths in biodiversity and natural resources to develop its bioeconomy initiatives. We are the second in Asia and the first in Asean to announce a national bioeconomy initiative, led by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak," said BiotechCorp in a statement.

Apart from leveraging on current investment in research and innovation, adapting education and training possibilities to today's needs are necessary to maintain the relevancy of Malaysia's biotechnology sector.

BiotechCorp has also proved its

commitment further by announcing a strategic partnership with San Francisco-based California Institute for Quantitative Biosciences (QB3).

The collaboration is aimed at creating a new learning system to train Malaysian bio-entrepreneurs by providing mentorship, professional development, funding and partnership to drive commercial-based research and innovation.

"Sime Darby is taking strategically measured steps to build and nurture a sustainable portfolio of palm-related industrial biotechnology companies.

"There are exciting opportunities to leverage on our substantial plantation assets, and we are keen to capitalise on these for future growth," said Sime Darby president

and group chief executive officer Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

By next year, the entire value chain from chemical to product manufacturing of the collaboration between Sime Darby and Verdezyne Inc will create a potential market value of up to RM86 billion.

"Malaysia's paradigm shift has transformed the nation from a largely agricultural and natural resource-exporting nation to a highly competitive economy focusing on higher value-added activities in both industry and services," said BiotechCorp.

"It is with great confidence that through innovation and adoption of new technology, our bio-based economy will set us apart from the world in the near future," it added.

Bekalan air tak terjejas

■ Fenomena El Nino pada paras neutral

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Saya jangkakan walau-pun berlaku musim panas melampau ia tidak akan menjasikan bekalan air di negara ini," kata Pensyarah Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah.

Menurutnya, ini berikutan walau-pun terjadinya fenomena El Nino, masih ada hujan, namun dalam jumlah yang sedikit.

"Berdasarkan data yang diperoleh melalui laman sesawang Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) mendapati fenomena El Nino yang bakal melanda negara dijangka penghujung tahun ini masih dalam keadaan terkawal atau erti kata lain berada pada paras neutral.

"Menggunakan model ramalan dinamik ENSO (El-Nino Ayunan Selatan) meramalkan kebarangkalian El Nino berlaku di Asia Tenggara 70 peratus, namun masih dalam peringkat tidak berbahaya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azizan berkata, ENSO dibaha-

gikan kepada dua iaitu kuat dan lemah yang mana boleh memberi impak kepada perubahan cuaca di negara ini.

"Jika ENSO lemah, ia tidak akan memberi kesan kepada perubahan cuaca, bagaimanapun jika kuat berkemungkinan El Nino terburuk dalam sejarah seperti pada 1997 akan berulang iaitu keadaan kemarau dan cuaca je-rebu yang teruk melanda," katanya.

Kata Azizan, El Nino dan La Nina berlaku disebabkan interaksi antara permukaan laut dan atmosfera di Pasifik Tropika dan perubahan di lautan memberi impak kepada atmosfera serta corak iklim seluruh dunia.

"Perubahan atmosfera ini seterusnya memberi impak kepada suhu dan arus lautan, sistem ini berulang daripada keadaan suam (El Nino) kepada neutral (La Nina sejuk) dengan purata pusingan antara dua ke lima tahun," katanya.

Beliau berkata, kedua-duanya adalah fasa ekstrem yang berlaku semula jadi dalam kitaran iklim yang dikenali sebagai El Nino dan dua terminologi merujuk kepada perubahan suhu permukaan laut pada skala besar di sekeliling kawasan tropika

Pasifik Timur.

"Haba dan lembapan ini meliputi kawasan tropika ketika El Nino melanda, tetapi ketika La Nina berlaku, tiupan angin lazim timuran menjadi bertambah kuat sehingga menyebabkan 'cold upwelling' di kawasan perairan tropika dan Amerika Selatan meningkat.

"Pada ketika ini, suhu permukaan laut di kawasan tropika boleh menurun sehingga 7 darjah Fahrenheit di bawah normal," katanya.

Menurutnya, walaupun keadaan El Nino dijangka berkaitan dengan Monsun Barat Daya yang lebih kering, namun setakat ini pusat penyelidikan meteorologi di UK belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia.

"Justeru, saya mengingatkan rakyat negara ini tidak perlu risau dan jika keadaan itu berlaku (bertambah buruk), **Jabatan Meteorologi Malaysia** akan bersiap sedia dan mempunyai pelan jangka panjang," katanya.

Sebelum ini Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan kemungkinan besar El Nino akan melanda rantau Asia Tenggara pertengahan tahun ini bagaimanapun pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan bahawa Malaysia akan menerima tempias El Nino yang membawa musim kemarau berpanjangan selama enam bulan itu.

FAKTA
Kebarangkalian
El Nino berlaku
di Asia Tenggara
adalah
70 peratus

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 10 MEI 2014 (SABTU)**

El Nino: Tanaman padi dijangka terjejas

KUALA LUMPUR 9 Mei - Sektor pertanian padi dan industri pengeluarannya dijangka mengalami kesan paling teruk jika fenomena El Nino iaitu perubahan cuaca yang mengakibatkan peningkatan suhu melanda negara ini pertengahan tahun ini.

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan kerajaan akan mengambil segala langkah perlu bagi memastikan bekalan makanan terutama beras tidak terjejas termasuk kemungkinan menambah jumlah import.

Katanya, memandangkan pakar menjangka El Nino melanda Asia Tenggara, Malaysia menjadi India sebagai alternatif untuk mengimport beras kerana kemungkinan Thailand dan Vietnam turut menghadapi masalah serupa.

Beliau berkata, kementeriannya telah pun berbincang dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak industri dan wakil pesawah bagi mengenal pasti kerugian yang bakal ditanggung serta bagaimana pendekatan terbaik yang perlu diambil bagi menghadapi El Nino.

"Paling teruk ialah pesawah kerana padi memerlukan air bertakung semasa proses awal tanaman berbanding tanaman lain yang cukup sekadar siraman. Di sawah, kadar takungan air itu tidak boleh rendah daripada sepatutnya kerana kalau tidak, anak padi akan mati.

"Kawasan yang paling teruk pula ialah bagi negeri-negeri bukan jelapang padi kerana sumber air dengan sawah adalah jauh," kata-

nya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, di sini hari ini.

Yang turut hadir timbalannya, Datuk Tajuddin Abdul Rahman; Pengurus TEKUN, Datuk Hamidah Osman serta Pengarah Urusan TEKUN, Datuk Abdul Rahim Hasan.

Baru-baru ini, Pejabat Kaji Cuaca

United Kingdom meramalkan kemungkinan besar fenomena El Nino yang mengakibatkan kemarau berpanjangan sehingga tempoh enam bulan akan melanda rantau Asia Tenggara pertengahan tahun ini.

Fenomena tersebut pernah melanda negara ini 16 tahun lalu dengan suhu tertinggi mencerek 40.1 derjah Celsius direkodkan di

Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

Ditanya sektor pertanian lain yang mungkin menerima nasib serupa, Ismail Sabri berkata, kajian masih dijalankan tetapi tidak menolak kemungkinan beberapa jenis tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bakal menerima tempias fenomena El Nino.

Dam water level slowly rising

More rain from seeded clouds hitting catchment areas

By CALVIN TAN

calvintan@mystar.com.my

PETALING JAYA: The water level at the Sungai Selangor dam is continuing to rise slowly as more rain from seeded clouds hit catchment areas.

According to the Selangor Water Management Authority website, the water level at the dam stood at 41.14% as of 8am yesterday.

The water level was 36.53% on March 31, 38.97% on April 23, before hitting the 40% mark on April 28, prompting the lifting of water rationing exercise in the state.

The dam supplies water to over 60% of Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor.

Meteorological Department central forecasting office director Muhammad Helmi Abdullah said there had been significantly more rain hitting the water catchment areas "the past few days".

"We are currently in the inter-monsoonal season which is one of the largest contributors of rain to the country."

"But the Sungai Selangor dam only received 100mm of rain



Low demand: A worker stacking unsold water containers at a hardware shop in Petaling Jaya after the water rationing exercise was lifted.

whereas many other parts of the state received a copious amount of rain, about 200mm to 300mm," he said, adding that it would take 20mm to increase the water level

by 1% but the water was continuously being consumed.

"Fortunately, I have been witnessing increased rainfall around the water catchment compared to

last month."

Helmi said that the recent downpours over urban areas were not likely to be from seeded clouds.

"We target towering cumulus clouds around the water catchment areas and factor in wind directions to accelerate the rain there."

"Some seeded clouds may migrate to urban areas. However, there are vastly more unseeded clouds than seeded ones as our planes can only cover a limited area," he said.

He said the southwest monsoon season, which would begin at the end of this month and last until September, would spell 20% to 40% less rain for the peninsula in June but would see a return to a "more or less normal" amount in July, August and September.

"So long as there is rain we can carry on with cloud seeding. We will continue until the water level in the dam reaches a satisfactory amount at around 55%," he said.

Other dams which showed an improved water level yesterday included Sungai Tinggi at 66.68% and Klang Gates at 62.08% - up from 62.6% and 58.49%, respectively, on April 28.